

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC KES 27 ANGGOTA IMIGRESEN DI PUSAT HIBURAN MANSION 9

**UNTUK SIARAN SEGERA
20 NOVEMBER 2025**

EAIC telah menjalankan siasatan ke atas aduan melibatkan 27 pegawai dan anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor, yang telah diperiksa oleh pasukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman di pusat hiburan Mansion 9, Kuala Lumpur pada 26 April 2024. Siasatan ini dijalankan selaras dengan subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

Hasil siasatan EAIC mendapati:

(a) Ketidakpatuhan arahan larangan berada di kawasan berisiko tinggi

Berlaku ketidakpatuhan kepada Surat Larangan Berada Di Kawasan Berisiko Tinggi bertarikh 18 November 2019 yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah Imigresen pada masa itu. Surat tersebut melarang semua pegawai dan anggota JIM untuk tidak berada di kawasan berisiko tinggi seperti pusat hiburan, rumah urut, pusat/ premis perjudian atau seumpamanya yang boleh menimbulkan syak dan persepsi negatif terhadap organisasi;

(b) Ketidakpatuhan jadual penugasan

Berlaku ketidakpatuhan kepada jadual penugasan kerana beberapa orang anggota JIM yang terlibat dalam kejadian tersebut mempunyai arahan tugasan, tetapi didapati berhibur di pusat hiburan tersebut; dan

(c) Ketidakpatuhan terhadap SOP Siasatan Tatatertib JIM

Berlaku ketidakpatuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan dengan siasatan tatatertib oleh pihak JIM berhubung dengan kejadian tersebut.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan:

(i) Merujuk pegawai terlibat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib JPA

Hasil siasatan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan mengesyorkan hukuman tatatertib terhadap pegawai yang terlibat di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Syor ini dibuat susulan kesalahan tatatertib iaitu cuai dalam melaksanakan tugas, tidak bertanggungjawab, tidak jujur atau tidak amanah.

(ii) Merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib JIM

Hasil siasatan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib JIM dengan mengesyorkan hukuman tatatertib terhadap pegawai dan anggota yang terlibat di bawah Peraturan 38 P.U.(A) 395/1993, susulan kesalahan tatatertib iaitu ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2)(i) Peraturan yang sama; dan

(iii) Mengesyorkan langkah penambahbaikan dan syor-syor lain seperti berikut:

- (a) mengarahkan pegawai dan anggota yang terlibat, yang telah berkhidmat di tempat sama melebihi lima tahun, untuk menjalani arahan pertukaran;
- (b) melaksanakan penyelarasan dan pemantauan terhadap jadual penugasan serta rekod kehadiran pegawai bagi mengelakkan sebarang tohmahan; dan
- (c) mengarahkan pegawai dan anggota terlibat memastikan pembayaran yang sepatutnya dibuat bagi perkhidmatan yang diterima di pusat hiburan tersebut, bagi mengelakkan sebarang tohmahan rasuah.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**